

SEGERA DENGAN FAKS

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3/1Klt.31 (35)
Tarikh : 27 Mei 2014

**Ketua Pengarang
Sinar Harian**

Tuan,

MAKLUMBALAS ADUAN AKHBAR SINAR HARIAN BERTAJUK "MINTA SEDEKAH DARI RUMAH KE RUMAH" BERTARIKH 26 MEI 2014, ISNIN – M.S: 18 (KELANTAN)

Dengan segala hormatnya, saya diarah merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang diutarakan oleh Puan Norlizawati Ariffin berkenaan permasalahan enam (6) orang anaknya yang berumur di antara empat (4) hingga lima belas (15) tahun yang masih belum memiliki sijil kelahiran.
3. Untuk makluman, hasil temubual pihak JPN ketika mengunjungi Puan Norlizawati Ariffin di rumahnya pada 26/5/2014, didapati bahawa beliau pernah mendapatkan borang daftar lewat kelahiran daripada JPN Daerah Machang pada tahun 2013. Walaubagaimanapun beliau tidak mengemukakan semula permohonan tersebut ke pejabat JPN disebabkan oleh masalah kewangan.
4. Jabatan ini telah menguruskan dan mendapatkan pengesahan kelahiran bagi empat (4) orang anaknya daripada Hospital Raja Permaisuri Bainun, Perak, Hospital Sungai Siput, Perak, Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kelantan dan Pusat Perubatan Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Manakala dua (2) orang anaknya masih menunggu pengesahan daripada pihak hospital. Tindakan untuk melengkapkan semua dokumen sokongan bagi permohonan daftar lewat kelahiran sedang dilakukan dengan kerjasama Puan Norlizawati Ariffin. Kesemua permohonan tersebut akan diproses dan anak-anaknya akan dikeluarkan Sijil Kelahiran berdasarkan peraturan dan undang-undang Negara ini.

5. Jabatan ini ingin menasihatkan agar ibubapa tidak menangguhkan pendaftaran kelahiran anak sehingga pendaftaran terpaksa dilakukan di bawah kategori Daftar Lewat Kelahiran. Ingin dijelaskan bahawa prosedur pendaftaran lewat kelahiran adalah lebih kompleks berbanding pendaftaran kelahiran yang berlaku dalam tempoh 14 hari. Ini kerana ianya memerlukan pelbagai dokumen sokongan bagi mengesahkan kelahiran tersebut. Ianya akan lebih merumitkan sekiranya dokumen pengesahan kelahiran tersebut telah hilang daripada simpanan ibubapa. Untuk maklumat lanjut berkaitan prosedur pendaftaran lewat kelahiran boleh merujuk di mana-mana pejabat JPN yang berdekatan atau melayari portal JPN di www.jpn.gov.my.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah.

Pejabat Perhubungan Awam,

b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.

☎ : 03-88807077

📠 : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

s.k.:

1. YBhg. Dato' KPPN
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
3. YBrs. Tuan TKPPN (O)
4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)